

27 OCT 2000

Belanjawan-Mahathir (Rosak)

TINDAKAN UNDANG-UNDANG DIKAJI KE ATAS PEROSAK IMEJ NEGARA

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji tindakan undang-undang terhadap golongan rakyat yang memburuk-burukkan Malaysia di luar negara termasuk golongan yang melantik firma asing untuk tujuan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedang meneliti undang-undang bagi menentukan sama ada perbuatan mereka itu, walaupun dilakukan di luar negara, melanggar undang-undang Malaysia kerana menjadikan Malaysia sebagai sasaran dan tujuannya pun untuk merosakkan Malaysia.

"Kita sedang kaji perkara ini sama ada ia reasonable (wajar) atau tidak, kerana kalau kita usaha untuk hancurkan negara kita, kita menjadi traitor," katanya pada sidang media selepas pembentangan Belanjawan 2001 oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan melihat perbuatan itu melanggar undang-undang kerana walaupun dibuat di luar negara, sasarannya ialah Malaysia dan tujuannya untuk merosakkan Malaysia dan membuat rakyat menderita.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar mengenai tindakan golongan penyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan mengupah firma asing untuk memburuk-burukkan Malaysia di luar negara.

Dr Mahathir berkata tujuan mereka jelas untuk menghancurkan Malaysia dan menyebabkan rakyat menderita kerana dalam keadaan yang berlaku di Iraq, contohnya, yang menderita ialah rakyatnya yang tidak mendapat makanan dan bekalan ubat.

"Contohnya di Iraq... yang jadi mangsa bukan pemimpin tapi rakyat," katanya, sambil menambah bahawa golongan itu sanggup hendak menghancurkan negara dan menyebabkan rakyat menderita semata-mata kerana seorang pemimpin mereka didapati bersalah dan dipenjarakan.

Mengenai kesan kempen itu, beliau berkata kerajaan tidak dapat menjamin bahawa pelabur asing akan datang ke Malaysia kerana jika mereka mahu melabur di sini sekali pun, tentunya tidak dapat berbuat demikian jika kerajaan mereka yang terpengaruh akan mengambil tindakan "sanction" (sekatan) ke atas Malaysia.

Perdana Menteri berkata jika sebagai akibat tindakan memburukkan Malaysia itu pendapatan negara merosot, kerajaan mungkin tidak dapat lagi memberikan kepada rakyat apa yang dinikmati sebelum ini.

Beliau berkata kerajaan akan menjalankan usaha penerangan di luar negara tetapi tidak dapat menjamin hasilnya.

Ketika ditanya mengenai penjelasan parti Keadilan bahawa mereka sebenarnya melantik perunding media di luar negara, Dr Mahathir berkata setakat yang beliau tahu mereka bukannya hanya bergerak dengan media massa sahaja.

"Setakat yang kita tahu orang macam tu bukan bergerak dengan media sahaja," katanya.

Menurutnya, media asing sememangnya sudah 100 peratus menyokong golongan itu dan mahukan Anwar menjadi perdana menteri Malaysia.

"Kalau ada pilihan raya oleh media asing, pasti saya akan kalah," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY NMO